

Tun Razak sedia asas kemakmuran

Inststitusi sosial, ekonomi terus majukan negara

Oleh Abdul Halim Yusoff dan
Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, legasi pentadbiran, idea dan dasar pembangunan negara dipelopori bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein masih kekal relevan dan diteruskan dalam pentadbiran kerajaan hingga hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, legasi kepemimpinan ayahanda beliau itu merangkumi beberapa dasar yang diilhamkannya seperti semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih termaktub, tersirat dan tersurat pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Najib berkata, pada Misi Nasional, kerajaan masih menetapkan agenda membasmi kemiskinan, menjana ekonomi, menangani ketidakseimbangan antara kaum dan wilayah, meningkatkan kualiti hidup serta memastikan pelaksanaan dasar berjalan lancar.

Katanya, Abdullah pernah menyebut bahawa Tun Razak adalah mentor beliau dalam politik, selain pernah menjadi Ketua Penolong Setiausaha Hal Ehwal Awam dalam Majlis Gerakan Negara di bawah pimpinan Tun Razak.

"Dalam pertemuan empat mata selepas Abdullah melantik saya Timbalan Perdana Menteri, suatu ungkapan yang disebut Pak Lah (Abdullah) yang belum pernah saya luahkan kepada umum ialah beliau menyebut mengenai Tun Razak dengan menyatakan:

"Saya (Najib) adalah anak kandung Tun Razak sedangkan beliau (Abdullah) adalah 'anak politik' Tun Razak. Begitulah pentingnya Tun Razak kepada kami berdua yang sedang memikul amanah memimpin negara sekarang," katanya pada perasmian Seminar Legasi Tun Razak Kepada Pembangunan Negara di Pusat Kon-

vensyen Sime Darby, di sini, semalam.

Seminar dua hari itu berakhir hari ini adalah anjuran Akademi Pemuda dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak dan ditaja Sime Darby Bhd.

Najib berkata, Tun Razak ialah sumber motivasi utama beliau untuk bekerja kuat demi kepentingan rakyat bagi memastikan kepentingan rakyat dibela.

Dalam bidang pendidikan, Najib berkata, ketika menjadi Menteri Pelajaran, Tun Razak menyediakan Penyata Razak yang masih menjadi garis panduan untuk pendidikan negara hingga hari ini kerana beliau menyedari pendidikan akan mengubah martabat bangsa.

"Tun Razak seorang pemimpin jujur, ikhlas dan kuat bekerja. Sebagai contoh, pada 1962, beliau membuat lawatan sejauh 43,000 batu (68,800 kilometer) menerusi jalan raya, kapal terbang, helikopter, bot, kadangkala berbasikal dan berjalan kaki mengunjungi 45 Bilik Gerakan Negeri dan 118 Bilik Gerakan Daerah seluruh negara.

"Tanpa disedari, saya juga terikut-ikut dengan corak kerja dedikasi seumpama Tun Razak, lebih-lebih lagi apabila memetik kata-kata beliau ketika merasmikan Perhimpunan Agung Persatuan Cina Malaysia di Kuala Lumpur pada 9 Ogos 1975:

"Pemimpin mestilah selalu berada bersama rakyat. Jika ini tidak dilakukan, sudah tentu kita tidak

“Tun Razak ialah sumber motivasi utama saya untuk bekerja kuat demi kepentingan rakyat bagi memastikan kepentingan rakyat dibela”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

akan mengetahui apakah kehendak dan aspirasi rakyat sekalian.”

Lantaran kekaguman terhadap kepemimpinan Tun Razak, Najib berkata, bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Thong Yaw Hong yang pernah berkhidmat di bawah Tun Razak menyebut:

"Tun (Razak) benar-benar bekerja untuk rakyat, hidup dan matinya untuk rakyat, penuh dedikasi dan komitmen terhadap negara dan inilah pemimpin yang saya sanggup mati untuknya.”

Usaha gigih Tun Razak bersama pemimpin lain berjaya membangunkan institusi sosial dan ekonomi seperti Felda, Petronas, Mara, Tabung Haji, MIDA, MIDE, MISC, Fama, Pemas, FIMA, UDA, LPN, Felcra, Risda, Bank Bumiputera, Bank Pertanian, UKM, ITM (UiTM), Bernama, Pusat Islam, Kongres Ekonomi Bumiputera dan Perbadanan Kemajuan Negeri-Negeri.

Najib berkata, Tun Razak bukan pemimpin yang gila kuasa dan ia dapat dilihat ketika menjadi Pengarah Majlis Gerakan Negara (Mageran) apabila darurat diisytiharkan pada 15 Mei 1969.

"Tun Razak boleh meneruskan Mageran ke tempoh masa beliau suka, memerintah secara diktator, boleh berbuat apa saja tetapi Tun Razak menganggap kuasa penuh sebagai Pengarah Mageran adalah suatu bebanan amanah amat berat.

Justeru, Tun Razak segera mewujudkan Majlis Perundangan Negara pada Januari 1970 yang akhirnya membentuk lima prinsip kontrak sosial negara yang hingga kini menjadi landasan untuk kehidupan rakyat secara aman dan makmur.

Beliau berkata, Tun Razak memegang jawatan Pengarah Mageran untuk 21 bulan kerana pada 23 Februari 1971, beliau mengembalikan kuasa pemerintahan demokrasi di negara ini.